



## 'Srikandi emas'

20 SEP 1987

Berita Minggu

PUKULAN dan tendangan yang tepat serta gerak badan yang kemas telah membolehkan Hazrah Khanam memenangi sebutir pingat emas dalam Sukan SEA Jakarta yang berakhir, malam ini (lihat gambar).

Dalam pertandingan akhir Kelas A, Hazrah, seorang kakitangan Kementerian Sekitaran menewaskan srikandi dari Indonesia, Rina Widayati.

Pingat yang dimenangi oleh Hazrah itu adalah satu-satunya pingat emas yang

mampu digondol oleh pasukan pencak silat Singapura, yang mengirim 10 wakil. Mereka juga memenangi dua butir pingat perak dan tiga gangsa.

Bagi Hazrah, kemenangan ini mempunyai erti yang besar sekali kerana pengorbanannya menjalani latihan empat kali seminggu selama 10 bulan akhirnya menerima ganjaran.

• Laporan lain Sukan SEA di Muka 10 dan 11.

## PENCAK SILAT

# 'Silat harus dikekalkan demi identiti'

21 SEP 1987

USAHA Indonesia menyertakan acara pencak silat dalam sukan kali ini telah diberi sambutan menggalakkan dari dua negara peserta.

Pengiran Penggawa, ketua rombongan pasukan Brunei, mengharapkan agar acara pencak silat dapat diteruskan dalam sukan-sukan pada masa akan datang.

"Identiti seni mempertahankan diri perlu dikekalkan seperti taekwando, judo dan karate yang didatangkan dari Jepun dan Korea," kata Pengiran Penggawa.

Malah dengan adanya acara silat secara berturutan, ia bukan saja dapat mengenalkan seni mempertahankan diri rantau Asia Tenggara ini, bahkan ke seluruh dunia.

"Walaupun seni silat telah mula mendapat perhatian dari beberapa buah negara di Eropah, namun kami berharap dengan mengekalkannya sebagai salah satu acara Sukan SEA ia dapat memabantu membangunkan minat tersebut dengan lebih cepat lagi," tambah ketua rombongan dari Brunei itu.

Inilah pertama kali Brunei menyertakan pesilat-pesilatnya ke kejohanan peringkat antarabangsa.

"Dengan kejayaan yang di catatkan oleh pesilat-pesilat Brunei, kami berharap mendapat undangan untuk menyertai kejohanan-kejohanan di peringkat Asean atau antarabangsa seperti di Eropah dan sebagainya," tambah Pengiran Penggawa.

Haji Ismaon Haji Ali, salah seorang pegawai dari rombongan Singapura juga menyokong pendapat yang di lahirkan oleh Pengiran Penggawa itu.

"Hampir 13 tahun kami memperjuangkan agar pencak silat disertakan dalam sukan ini dan adalah wajar jika ia diteruskan dalam sukan-sukan akan datang," katanya.

Beliau juga berasa yakin acara pencak silat akan diteruskan dalam Sukan SEA Ke-15 di Kuala Lumpur dua tahun lagi.

Kedua-dua pegawai mengakui bahawa mutu pertandingan silat yang ditunjukkan dalam sukan ini adalah tinggi dan cukup menggalakkan.